

HUKUM PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MELALUI PEMBAYARAN ELEKTRONIK

MENURUT seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) 2003 [En. 1/2003], Jawatankuasa Fatwa bagi Negeri Selangor, atas perintah Duli Yang Maha Mulia Sultan menyediakan fatwa yang dinyatakan dalam Jadual dan disiarkan menurut subseksyen 48(6) Enakmen itu.

Pengenaan zakat terhadap dana saham amanah (Unit Trust) adalah berasaskan pelaburan sebagai *Urud Tijarah*. Zakat yang wajib dikeluarkan ialah sebanyak 2.5%.

HUKUM PEMBAYARAN ZAKAT FITRAH MELALUI PEMBAYARAN ELEKTRONIK

- i. Hukum menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui khidmat pesanan ringkas (SMS) sama ada secara prabayar atau pascabayar adalah harus ;
- ii. Hukum menggunakan kaedah pembayaran zakat fitrah melalui Internet, mesin ATM dan e-Debit adalah harus ;
- iii. Pihak Celcom hendaklah mendahulukan bayaran zakat yang telah dibayar melalui pascabayar sebagai jaminan bayaran telah diterima ;

- iv. Pihak Celcom/bank adalah menjadi wakil kepada Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan hendaklah menghadkan tempoh masa penggunaan kaedah-kaedah ini bagi mengelakkan pembayaran zakat dilakukan melepasi waktu wajib zakat yang ditetapkan ; dan
- v. Disyorkan supaya pihak Celcom/bank mengadakan rundingan secara pentadbiran dengan LZS mengenai penyerahan jumlah wang zakat yang telah terkumpul.

Status: Warta

Tarikh Warta: 6 Januari 2011

DATO' SETIA HAJI MOHD TAMYES BIN ABD. WAHID

Pengerusi Jawatankuasa Perunding Hukum Syara' (FATWA) Negeri Selangor